

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (17)
Tarikh : 3 Julai 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMATUHAN TERHADAP PENTADBIRAN KONTRAK DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini telah menerima Pengauditan Penyata Terimaan Dan Bayaran Bagi Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan Bagi Tahun Tahun Berakhir 31 Disember 2022 melalui surat AUDIT/N/367/7-4 jld.4(25) bertarikh 16 Jun 2023.

3. Berdasarkan pemerhatian dan penelitian Pentadbiran ini, didapati terdapat Jabatan / Agensi Negeri yang masih lemah dalam pengurusan pentadbiran kontrak perolehan Kerajaan sehingga menyebabkan teguran audit di mana ketidakpatuhan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan sehingga ada yang melebihi 198 hari;
- ii. Pegawai menandatangani perjanjian melebihi had nilai yang ditetapkan;
- iii. Penyediaan dokumen kontrak yang tidak lengkap / tidak sempurna / tiada tarikh;
- iv. Tarikh perjanjian tidak dapat disahkan (sama ada sengaja dibiarkan kosong atau dikebelakangkan tarikh); dan
- v. Duti setem lewat dimatikan.

4. Sehubungan itu, pihak YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan adalah **diingatkan** supaya mematuhi pekeliling / peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- i. Pekeliling Perbendaharaan PK1.1-Punca Kuasa, Prinsip Dan Kategori Perolehan Kerajaan;
- ii. Pekeliling Perbendaharaan PK4.1-Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am;
- iii. Pekeliling Perbendaharaan PK4.2-Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan; dan

iv. Perwakilan Kuasa Di Bawah Seksyen 2 Dan 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 rujukan surat P.Kw.N./N.S.(349) 549/1 Klt.5 (32) bertarikh 24 Mac 2022.

5. Sekiranya ketidakpatuhan-ketidakpatuhan tersebut berterusan, ia akan mendedahkan YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan selaku Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan kepada tindakan tatatertib serta boleh mencemarkan imej perkhidmatan awam.

6. Oleh yang demikian, kerjasama YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memastikan semua peraturan/ pekeliling yang berkuatkuasa dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri

Negeri Sembilan Darul Khusus

s.k YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengarah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Negeri Sembilan